

MENGGAPAI KEJAYAAN

Laluan Sukses **25** Anak Malaysia



3.1595
MEM

Berita
Publishing Sdn Bhd
Pilihan Tepat Anda

PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
TASARA
KEPIMPINAN
PERDANA



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

MENGGAPAI KEJAYAAN


Laluan Sukses **25** Anak Malaysia

PUSTAKA PERDANA



1008686

Berita 
Publishing Sdn Bhd
Pilihan Tepat Anda



MUKADIMAH

UMUM mengetahui jalan menuju kejayaan penuh cabaran. Ramai daripada orang ternama sekarang terpaksa melalui liku-liku penuh getir sebelum mencapai puncak kejayaan.

Buku *MENGGAPAI KEJAYAAN: Laluan Sukses 25 Anak Malaysia* adalah himpunan artikel daripada majalah *Malaysian Business* yang mengetengahkan cerita usaha jaya. Setiap individu menunjukkan kualiti kerajinan dan ketabahan, baik lelaki mahupun wanita. Kadangkala masalah yang dihadapi nampak terlalu rumit yang mungkin mematahkan semangat kebanyakan manusia biasa. Kesungguhan mereka menyebabkan apa-apa masalah yang dihadapi, dari yang paling remeh kepada yang paling besar, dapat diatasi.

Kisah yang memberangsangkan dan menyemarakkan semangat ini meliputi pelbagai personaliti daripada beberapa industri, kerjaya dan perniagaan. Walau apa pun latar belakang mereka, perkara yang menyamakan mereka adalah kerja keras, disiplin dan mungkin juga sedikit tuah.

Disebabkan kebanyakan bahan cerita yang dihimpun agak lama, ada beberapa butir yang mungkin berubah, namun ramuan untuk menempa kejayaan tetap sama.

Tiada jalan mudah untuk mencapai cita-cita. Mereka yang berjaya tidak mudah menyerah kalah dan menganggap tiada gunung yang terlalu tinggi untuk didaki atau lautan terlalu dalam untuk direnangi. Mereka berani menukar impian menjadi kenyataan.

Kepada mereka, kejayaan bukan diukur daripada status kekayaan atau kemasyhuran tetapi lebih mengenai pencapaian hasrat dan matlamat hidup, betapa sukar sekalipun cabaran yang mendatang.

Kami berharap cerita mereka akan menjadi landasan dan rangsangan untuk para pembaca mencipta kejayaan agar ramai lagi dapat menjadi contoh teladan.



DATUK WONG SIEW HAI

MENCETUS REVOLUSI INDUSTRI MENERUSI KEJURUTERAAN

Datuk Wong Siew Hai, Pengerusi Malaysian American Electronics Industry mempunyai kerjaya yang cemerlang dalam industri elektronik. Sungguhpun sudah bersara, beliau terus memberikan pandangannya mengenai apa yang perlu dilakukan rakyat Malaysia untuk meningkatkan lagi sektor elektronik pada abad ini.

DATUK Wong Siew Hai tertawa kecil apabila teringat waktu dia mula bertugas dengan syarikat Intel pada awal 1970-an. “Semua orang menggoyang jari dan menggeleng kepala pada saya ketika itu. Mereka melabelkan industri elektronik, walaupun kian membangun, sebagai bisnes ‘siang buka, malam tutup,’” katanya.

Kini, industri ‘siang buka, malam tutup’ itu muncul sebagai antara majikan terbesar di Malaysia. Wong, selaku pengerusi Malaysian Electronics Industry (MAEI), beroperasi di bawah naungan American-Malaysian Chamber of Commerce (AmCham), mendedahkan, pada 2005, ahli MAEI sahaja menjadi periuk nasi kepada 56,000 pekerja di Malaysia – 6,000 daripadanya adalah jurutera.

Wong begitu menyerlah di Intel. Bermula sebagai jurutera jaminan mutu dia mengakhiri kerjayanya sebagai naib presiden Technology and Manufacturing Group (TMG) dan pengurus besar Assembly and Test Manufacturing (ATM). Dia juga naib presiden pertama TMG yang memilih untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat operasinya, tidak berhijrah ke Amerika Syarikat seperti lazim dilakukan mereka sebelumnya.

Pada usia 55, Wong memaparkan imej awet muda, seolah-olah 30-an jika tidak kerana beberapa helai uban yang mula mengintai pada rambutnya. Anak bongsu daripada sembilan beradik, Wong mempelajari

kejuruteraan kerana dia pintar dalam dwi-matematik (*double math*). Sememangnya pakar-pakar dwi-matematik biasa menjurus kepada kejuruteraan. “Kejuruteraan adalah platform latihan paling mantap,” Wong berkata, penuh yakin. “Ia membuatkan seseorang individu lebih analitikal, melihat sesuatu masalah secara menyeluruh, bukan secara terpencil. Ia membolehkan anda mengatasi masalah kerja. Kejuruteraan memberi seseorang asas kukuh untuk menjurus ke pelbagai bidang lain. Contohnya, seorang rakan saya, setelah bertahun-tahun menjadi jurutera, tiba-tiba menukar kerjayanya – kepada insurans! Dia berjaya pun!”

Ditanya mengenai rahsia kejayaannya di Intel, Wong dengan rendah hati berkata, “Mungkin nasib menyebelahi saya. Saya berada di tempat yang tepat pada waktu yang tepat.” Namun, tidak mungkin hanya nasib yang membawa anda kepada jawatan naib presiden, dan seterusnya memikul tanggungjawab global? “Saya sentiasa gemar mencabar diri saya dan mempelajari sesuatu yang baru kerana saya yakin dengan kepercayaan bahawa perubahan itu malar. Saya tidak pernah takut kepada perubahan atau mengelakkannya kerana saya menerimanya sebagai sesuatu yang positif,” terang Wong lagi. “Untuk menjadi pemimpin yang baik, anda perlu pandai memainkan peranan anda dalam pasukan dan menunjukkan hasil. Selalu tingkatkan diri anda dengan menghadiri kursus latihan. Anda perlu tubuh pasukan dan *networking* dengan orang dalam dan luar industri. Dan anda mesti sanggup untuk bekerja di luar Malaysia, kadangkala bersendirian, tanpa ditemani keluarga anda.”

Wong begitu menghargai setiap maklum balas, walaupun maklum balas negatif yang diterima daripada pasukannya tidak kira dari peringkat bawahan hingga ke peringkat atasan. “Setiap kali saya melawat sesuatu organisasi baru, saya cuba mengadakan perjumpaan dengan staf di pelbagai peringkat – dari operator peringkat bawah, penyelia, jurutera hingga ke pengurusan atasan. Dengan cara itu, anda bukan saja dapat memahami masalah pekerja dan mendapat maklum balas, tetapi anda juga boleh memahami budaya organisasi itu. Saya menamakan perjumpaan itu sebagai ‘sesi bertemu pekerja.’ Betul, ia memakan masa, tetapi hasilnya anda tahu apakah nadi gerak organisasi itu.”

Satu lagi strategi pengurusan yang paling berkesan adalah ‘dialog pengurusan.’ Ia membenarkan setiap orang dalam mesyuarat menyuarakan pandangan masing-masing. Ini bagi mengelak mesyuarat daripada dikuasai segelintir yang lantang.

“Beliau memanglah pengurus berjiwa pekerja, suka sangat mendengar pandangan orang,” ujar Cheok Lay Leng, CEO beberapa syarikat kecil yang telah mengenali Wong selama 20 tahun. “Dia bekas bos dan mentor



WONG: Untuk menjadi pemimpin yang baik, anda mesti sedia bekerja secara berpasukan dan akhirnya mendapat hasil.

saya. Dia seorang yang berwawasan serta pakar strategi, suka melakukan dan mencuba idea-idea baru selain tak kedekut untuk berkongsi pengetahuannya dengan orang lain.”

Margaret Chew, pegawai pembelian di Intel yang berkhidmat di bawah Wong selama tiga tahun, bersetuju. “Dia memiliki daya ingatan luar biasa. Dia mampu mengingati seseorang secara terperinci, sama ada pekerja biasa di kilang atau pegawai atasan, walaupun bertahun-tahun selepas menemui mereka. Disebabkan jawatannya, kami tahu dia tu siapa. Tetapi buat dirinya – *Big Boss* – untuk ingat nama kita yang ‘kerdil’ ini ... anda tak dapat bayangkan betapa terujanya perasaan kami. Dia teliti dan sangat menitikberatkan butiran. Bermakna, jika anda berjumpa dengannya pastikan anda dapat menjawab segala yang ditanya! Dengan memiliki ciri-ciri begitu, saya tidaklah meragui segala kejayaan yang dicapai sepanjang kerjayanya.”

Walaupun sudah bersara daripada Intel, Wong kini memberi tumpuan kepada antara lain, MAEI. Selaku pengerusi MAEI, tugas beliau adalah sebagai ‘penghubung’ antara industri dan agensi-agensi kerajaan yang relevan. “Anda boleh menganggap kumpulan kami sebagai suara industri. Saya cuba sampaikan maklumat daripada kerajaan kepada industri dan sebaliknya. Kerajaan kita sentiasa mengalu-alukan maklum balas daripada industri. Kita juga terbabit dalam Program Usahawan Muda untuk membangunkan bakat usahawan baru dalam negara.”

Wong begitu positif dengan keadaan semasa industri elektronik di Malaysia, walaupun terdapat saingan hebat dari China dan India. “Industri elektronik sudah bertapak selama 30 tahun di negara ini. Sepanjang tempoh itu, banyak syarikat sudah mencapai kejayaan cemerlang di peringkat antarabangsa, hasil sumbangan tenaga kerja kita. Rakyat Malaysia sememangnya berbakat dan kita mempunyai semangat *Malaysia Boleh*. Syarikat-syarikat elektronik sedia ada di negara menunjukkan prestasi yang baik. Cabarannya adalah untuk menarik syarikat baru melabur di sini.”

Beliau menegaskan betapa pentingnya bagi Malaysia untuk ‘menaiki rantai nilai’ dan membuat persediaan untuk menghadapi cabaran abad baru ini. Menurut Wong, revolusi industri kian mendatang bagi Malaysia mesti bermula dengan pembangunan rakyatnya. “Kita perlukan tenaga kerja berkemahiran tinggi. Era mempunyai pekerja yang memiliki hanya satu ijazah sudah tidak memadai lagi, jika kita ingin menjadikan Malaysia pusat bagi penyelidikan dan pembangunan. Kita perlu pekerja yang memiliki ijazah sarjana dan PhD. China dan India mengeluarkan ribuan jurutera berkualiti tinggi sertai graduan dalam bidang lain setiap tahun.


Kita wajar ikut jalan itu.”

Satu cara bagi memperoleh pekerja berpengetahuan adalah dengan mendapatkannya dari negara lain. “Kita perlu dapatkan mereka sama ada dari Barat atau Asia. Buat masa ini, kita membawa mereka masuk, berikan mereka permit kerja tiga tahun dan di penghujungnya kita boleh kata, ok, anda boleh pergi. Mereka pergi ke Singapura dan Singapura memberi mereka status Kerakyatan Tetap (PR)! Kita tidak boleh terlalu konservatif dengan pemberian PR kita!”

Wong juga menegaskan mengenai pentingnya penguasaan bahasa Inggeris, iaitu *lingua franca* dalam segala yang berkaitan dengan R&D. “Kita banyak melakukan perjumpaan dengan Kementerian Pelajaran Tinggi dan universiti untuk menyuarakan kebimbangan kami. Kita menyampaikan hasrat kami agar dipergiat usaha untuk meningkatkan mutu dan jumlah graduan kita – dari subjek mereka pelajari di sekolah kepada meningkatkan kemahiran berkomunikasi. Selanjutnya, maklum balas yang kami terima daripada kementerian dan universiti begitu positif sekali. Nampaknya mereka betul-betul berazam untuk melakukan sesuatu mengenai itu. Ia sesuatu yang baik untuk tenaga kerja kita.”

Wong berpendapat kita tidak perlu bimbang bahawa China akan menelan semua pelaburan asing di rantau ini. “Sebenarnya, kos untuk melakukan perniagaan di China sudah meningkat berlipat ganda dan banyak syarikat sudah buka mata kepada hakikat ada banyak kos tersembunyi. Tidak semua seelok yang disangka. Kita menganjurkan dasar China + 1: bahawa syarikat tidak boleh meletakkan semua telur di dalam satu bakul. Mereka perlu ada satu negara pilihan kedua untuk menyalur sebahagian pelaburan mereka. Malaysia kini berada dalam keadaan baik sebagai laluan ke Asean dan Asia. Malaysia juga sudah terbukti mempunyai tenaga mahir serta kilang yang boleh berdaya saing di peringkat global. Di China, sebahagian besar pegawai atasan di kilang dan syarikat adalah rakyat Malaysia. Ini bukti nyata rakyat Malaysia bermutu antarabangsa dan sangat dikehendaki pihak lain.”

Buat ketika ini, Wong hanya mahu relaks sahaja. Ketiga-tiga anaknya sudah dewasa. Beliau suka merantau, malah sering mengambil percutian. Selain itu Wong cuba buat sibuk di taman, berenang dan main tenis. “Saya juga sedang belajar cara bermain golf,” katanya.

Sekali imbas, Wong kelihatan terlalu muda untuk bersara secara berterusan. Tetapi siapa tahu? Mungkin, tokoh ini yang sentiasa mencari cabaran dan memburu ilmu, akan menemui cabaran baru yang akan mencuit minatnya suatu hari nanti. 



KEN LIM

JUAL MUKA, JUAL JENAMA

Ken Lim, terkenal dan dihargai warga gila-gaya KL sebagai usahawan yang memperkenalkan kosmetik glamor seperti Aesop, Annick Goutal, T Le Clerc, Laura Mercier, Caudalie, Creed Perfume dan Peter Thomas Roth, menceritakan kenapa dia meninggalkan industri pembuatan untuk beralih ke dunia kosmetik.

DEWASA ini, tidak sah jika anda menyelak majalah hip sosial seperti *Malaysia Tatler* atau *Le Prestige*, tanpa melihat wajah Ken Lim bersama wanita cantik menghadiri pelbagai parti glamor di ibu kota Kuala Lumpur. Tetapi hakikatnya Ken Lim sedikit pun tidak melihat dirinya sebagai kupu-kupu sosial yang asyik berparti sahaja. Bagi Lim, menghadiri majlis sosial merupakan tugas semata-mata.

“Orang melihat saya dan berkata, wah seronoknya kau ... asyik berparti sahaja ... gambar pun selalu keluar dalam majalah-majalah sosial,” Lim merintih. “Tetapi bagi saya, semua itu hanyalah tugas kerana muka saya adalah jenama. Saya selalu berparti kerana saya mahu orang kaitkan wajah saya, Ken Lim, kepada jenama produk yang saya promosikan.”

Lim adalah pengasas Esplanade Avenue Sdn Bhd, syarikat yang memperkenalkan jenama popular kepada rakyat Malaysia seperti *Aesop*, *Annick Goutal*, *T Le Clerc*, *Laura Mercier*, *Caudalie*, *Creed Perfume* dan *Peter Thomas Roth*. Beliau boleh diiktiraf secara tersendiri telah menukar wajah industri persolekan Malaysia.

Sebelum kemasukannya ke pasaran, senario persolekan tempatan dikuasai jenama gedung pakaian dan jenama pasaran massa. Ketika itu, rakyat Malaysia yang *trendy*, jika ingin memakai kosmetik istimewa dan popular yang tidak dikuasai konglomerat persolekan seperti *Estee*